

PPRT: Jangan buat tuduhan melulu — PM

UM 15 NOV 2001

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**

KUALA LUMPUR 14 Nov. -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihati semua pihak agar jangan membuat andaian atau tuduhan melulu berhubung kes penyelewengan Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) selagi siasatan mengenainya belum selesai.

Dr. Mahathir agak kesal kerana isu itu semacam telah dipolitikkan, sungguhpun beliau mengakui unsur-unsur politik memang tidak dapat dielakkan dariqada kes sedemikian.

"Ya, ada juga unsur-unsur politik dalam itu, tidak dapat lari daripada itu," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri mengingatkan setakat ini sama ada benar atau tidak wang daripada projek PPRT itu diselewengkan, masih belum diketahui.

"Kita tidak boleh membuat penghakiman terlebih dulu. Kita mesti tahu latar belakang apa sebenarnya yang berlaku.

"Setakat yang saya tahu duit PPRT ini bukan banyak sangat dan yang terlibat berpuluh-puluh juta ini apakah benar daripada PPRT atau punca lain. Jadi kita kena kaji betul-betul sebelum membuat tuduhan-tuduhan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pembicra ketika ditemui sewaktu menghadiri rumah terbuka Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, sempena perayaan Deepavali di Sekolah Menengah Chung Hwa di Jalan Ipoh, di sini hari ini.

Beliau ditanya pendekatan kerajaan menangani isu penyelewengan

PPRT yang dikatakan melibatkan penipuan pelaburan berjumlah kira-kira RM40 juta.

Menurut Dr. Mahathir, beliau selalu mengambil sikap berhati-hati dalam membicarakan perkara yang berkaitan penyelewengan.

Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan pendiriannya itu tidak bermakna beliau cuba melepaskan sesiapa daripada dikenakan tindakan.

"Bukan kata saya hendak lepas orang kalau buat salah, kalau orang itu betul-betul buat salah, kita patut ambil tindakan.

"Tetapi sebelum kita dapat tentukan salah atau tidak, kita tidak ambil tindakan," tegasnya.

Kes PPRT mendapat liputan meluas apabila ia didedahkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, baru-baru ini.

Pendedahan tersebut di samping dua laporan polis yang dibuatnya telah menyeret beberapa pihak yang terlibat secara langsung dengan projek itu di Kelantan dan Terengganu termasuk bekas menteri, Datuk Annuar Musa dan pegawai-pegawai kanan kementerian ke dalam isu tersebut.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, dalam sidang akhbar semalam, bagaimanapun menegaskan mereka yang diambil keterangan oleh polis tidak semestinya terlibat dalam kes penyelewengan yang sedang disiasat.

Setakat ini, menurut Norian, penyiasatan terhadap kes PPRT mendapati wang peruntukan sebanyak RM36.5 juta telah lesap digunakan oleh dua buah syarikat.